

## SOALAN NO: 9

Di pihak pengguna pula, pihak Kerajaan melalui pelbagai agensinya termasuk SKMM sentiasa memberi kesedaran dan penerangan melalui program advokasinya termasuk program **“Klik Dengan Bijak”** berkenaan tips-tips yang boleh diambil untuk mengelakkan data dicuri.

Pihak PDRM dan Interpol sentiasa menjalinkan bekerjasama dalam berkongsi maklumat berhubung isu penggodaman merentasi sempadan. Malaysia juga turut bekerjasama di bawah kerangka *Mutual Legal Assistance Treaty* (MLAT) dengan negara-negara dalam penyiasatan jenayah. Maka, sebarang siasatan ke atas mana-mana perlakuan jenayah yang melibatkan rentas sempadan, haruslah melalui kerangka yang disebutkan tadi.